

ADAPTASI TEKS *HIKAYAT MERONG MAHAWANGSA* KEPADA FILEM: ANALISIS PERBANDINGAN UNSUR NARATIF

(Adaptation Hikayat Merong Mahawangsa Text to Film: Comparative Analysis of Narrative Elements)

Mohamed Nazreen Shahul Hamid
mohamednazreen25@gmail.com

Md. Salleh Yaapar
mdsalleh@usm.my

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia,
11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia.
Tel.:+ 604-6533856

Abstrak

Kajian ini bertujuan membandingkan filem *Hikayat Merong Mahawangsa* dengan teks sumbernya dari sudut unsur naratif, iaitu plot, watak, latar, gaya penulisan dan tema untuk melihat sejauh mana wujudnya persamaan dan perbezaan antara filem dengan karya tersebut, dan menganalisis serta menilai bentuk dan kaedah adaptasi yang telah digunakan oleh pengarah filem dan penulis skrip. Teori adaptasi oleh Desmond dan Hawkes telah digunakan dalam kajian ini. Kajian ini dilaksanakan melalui gembengan kaedah kepustakaan, temu bual, analisis tekstual, dan pencarian maklumat dalam internet. Kajian ini mendapati bahawa penulis skrip dan pengarah filem telah menggunakan bentuk “adaptasi longgar”, iaitu dengan mengubah atau mengolah semula sebahagian besar unsur yang terdapat dalam teks asal. Malah, terdapat perkara yang dibuang dan ditambah oleh penulis skrip dan pengarah filem. Semua ini dilakukan untuk disesuaikan dengan jalan cerita filem *Hikayat Merong Mahawangsa* yang umumnya memang menarik dan berkesan. Unsur logik telah mendominasi filem ini berbanding teks asal yang kaya dengan pelbagai unsur mitos dan legenda. Kepentingan kajian ini untuk memberikan kefahaman tentang kompleksiti dan dinamika pemikiran yang ada pada pengarah filem dan penulis

skrip dalam melakukan adaptasi karya sastra ke film dalam usaha menyerlahkan kebolehan industri film Melayu.

Kata kunci: adaptasi, film, sastra sejarah, *Hikayat Merong Mahawangsa*, unsur naratif

Abstract

The main objective of this study is to compare the movie Hikayat Merong Mahawangsa with the literary text, i.e. Hikayat Merong Mahawangsa, in terms of the narrative elements of plot, character, setting, writing style and themes, in order to study the existence of similarities and differences between the movie and the literary work, and to analyse the type and method of adaptation employed by the director and screenwriter of the movie. To achieve this objective, the theory of adaptation of Desmond and Hawkes was used to compare the specified narrative elements. This study was conducted through a combination of library research, interviews, textual analysis, and information search on the internet. The study finds that the screenwriter and film director adaptation was in fact a loose one, in which most of the narrative elements found in the original text were altered or reinterpreted. In fact, there are a number of elements that were added or dropped by the screenwriter and director. All this was done to suit the movie's storyline which, on the whole, is interesting and effective. Elements of logic dominate the film even though Hikayat Merong Mahawangsa itself is full of myths and legends. This study is significant because it contributes towards the understanding of the complexity and dynamics of the thought of the director and screenwriter in adapting a literary work into film in an effort to highlight the level of talent in the Malay film industry.

Keywords: adaptation, film, literary history, Hikayat Merong Mahawangsa, narrative elements

PENDAHULUAN

Hikayat Merong Mahawangsa secara asasnya merupakan sebuah karya agung Melayu terpenting dalam meriwayatkan sejarah asal usul negeri Kedah serta salasilah keturunan kesultanan Kedah. Meskipun tidak diketahui pengarang dan tarikh penulisannya, teks ini merupakan hasil sastra yang memancarkan pemikiran masyarakat Melayu terdahulu tentang bentuk penulisan sejarah yang tersendiri (Harun, 2000:34). Berbeza daripada teks klasik yang lain, karya ini tampil dengan pelbagai mitos yang begitu hebat dan unik sekali. Misalnya, mitos mengenai burung geroda, perkahwinan putera Rom dengan puteri China, Raja Bersiung dan

lain-lain lagi. Walau bagaimanapun, semua ini tidak dimasukkan begitu sahaja tetapi mempunyai peranannya tersendiri dalam mengabsahkan keturunan raja dan pemerintahan mereka (Siti Hawa, 1997:318). Sebagai karya sastera sejarah, teks *Hikayat Merong Mahawangsa* dapat dilihat sebagai sebuah dokumen sosiopolitik yang menggemakan pemikiran dan nilai masyarakat yang dicitrakan di dalamnya. Oleh sebab kehebatan yang dimiliki teks ini dari sudut cerita dan mesejnya, maka KRU Studios, Kuala Lumpur telah mengambil langkah berani mengangkatnya menjadi sebuah filem.

Filem *Hikayat Merong Mahawangsa* (2011) ialah filem bergenre epik yang telah diterbitkan oleh KRU Studios dengan mempertaruhkan Yusry Abdul Halim sebagai pengarah filem dan Amir Hafizi selaku penulis skrip. Dengan berbekalkan belanja sebanyak RM8 juta, filem ini telah berjaya menarik perhatian sebahagian penonton di Malaysia sejak ditayangkan pada Mac 2011 (Muhamad Fairoz, 2013:4). Malah, filem adaptasi ini juga berjaya menembusi pasaran luar negara yang melibatkan pelbagai benua dan hal ini sesuatu yang jarang-jarang berlaku terhadap filem Malaysia. Selain itu, filem ini turut berjaya merangkul anugerah bagi kategori filem terbaik melalui Festival Filem Malaysia ke-24 pada tahun 2011.

Seperti filem adaptasi lain, filem *Hikayat Merong Mahawangsa* tidak dapat lari daripada kontroversi yang melanda. Filem adaptasi ini telah dibahaskan kemampuannya untuk mengekalkan dan menjadi lebih baik daripada sumber asal. Sebagai contoh, keadaan tersebut dapat diteliti melalui forum sastera yang bertajuk “*Hikayat Merong Mahawangsa: Dari Sastera Klasik Ke Filem*” anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 11 Mei 2011. Dalam forum tersebut, filem *Hikayat Merong Mahawangsa* telah dikritik hebat oleh ahli panel dan beberapa tokoh seni yang lain. Filem ini dikatakan telah mengabaikan aspek persejarahan yang ada dalam teks dan tuntutan sebagai filem juga agak terabai. Namun, segala persoalan yang dilontarkan semasa forum tersebut tidak terjawab kerana pengarah filem dan penulis skrip mahupun “orang kuat” dalam penerbitan filem ini tidak hadir. Maka, persoalan yang ditimbulkan hanya tinggal sebagai persoalan. Sehubungan dengan itu, berpandukan teori adaptasi oleh John M. Desmond dan Peter Hawkes dan temu bual yang dijalankan terhadap penulis skrip, makalah ini akan merungkai proses adaptasi filem *Hikayat Merong Mahawangsa*.

TEORI ADAPTASI

Kajian adaptasi terhadap teks klasik ada dijalankan oleh beberapa sarjana tempatan sebelum ini. Misalnya, makalah bertajuk “Adaptations of *Hikayat Hang Tuah* in Children`s Literature” oleh Sohaimi Abdul Aziz dan Rohaya Md Ali pada tahun 2012.

Kajian ini mendapati bahawa adaptasi terhadap kisah Hang Tuah bagi sastera kanak-kanak selalunya melibatkan adaptasi separa dan cerita yang dipilih untuk diadaptasi mengandungi elemen fantasi yang kuat. Ilustrasi juga merupakan elemen penting dalam adaptasi separa dan kajian tidak menemukan pengaruh realiti sosial dalam adaptasi tersebut. Hang Tuah masih dianggap sebagai tokoh wira atau “hero” dan Hang Jebat sebagai pengkhianat. Selain itu, terdapat juga makalah berkaitan adaptasi yang bertajuk “From Text to Animation: Adaptation of *Bawang Putih Bawang Merah*” (2014). Makalah ini telah menggunakan teori oleh A. Englestad dalam menjalankan analisisnya dan mendapati proses adaptasi *Bawang Putih Bawang Merah* kepada bentuk multimedia masih mengekalkan elemen sastera melalui penggunaan pelbagai kaedah penyampaian cerita untuk menghasilkan filem animasi yang menarik. Walaupun *Bawang Putih Bawang Merah* sebuah kisah lipur lara Melayu, cerita ini telah diadaptasi dengan pelbagai elemen yang menarik bagi mengikuti kehendak generasi masa kini. Selain teks klasik, karya moden seperti novel turut dibincangkan oleh sarjana tempatan tentang proses adaptasinya. Sebagai contoh, makalah yang dihasilkan oleh Sohaimi Abdul Aziz pada tahun 2011 yang bertajuk “Laskar Pelangi: Satu Penelitian Adaptasi Novel ke Filem”. Makalah ini menjelaskan secara kritis hubungan adaptasi antara novel *Laskar Pelangi* karya Andrea Hirata dengan filem yang memakai tajuk yang sama arahan Riri Riza. Analisis tentang adaptasi yang terjadi dibuat berdasarkan empat peringkat, iaitu peringkat naratif, verbal ke visual, sebutan (*enunciation*) dan keseluruhan. Hasil analisis mendapati wujud sinergi yang kuat antara pengarang novel dengan pengarah skrip dengan penerbit filem “Laskar Pelangi”. Namun, filem tersebut tetap berdiri sebagai satu seni visual yang berbeza daripada novel yang diadaptasikannya. Oleh yang demikian, dapat dinyatakan bahawa kajian adaptasi sering kali mendapat perhatian sarjana dan setiap pendekatan teori akan memperlihatkan hasil kajian yang berbeza. Hal yang sama dapat dilihat melalui analisis yang dilakukan dalam makalah ini dengan menggunakan teori adaptasi oleh Desmond dan Hawkes (2006).

Menurut Desmond dan Hawkes (2006:3) terdapat tiga bentuk adaptasi yang membolehkan perbincangan antara karya sastera filem adaptasi dapat dilakukan. Ketiga-tiga bentuk ini terdiri daripada adaptasi tertutup (*close adaptation*), adaptasi longgar (*loose adaptation*), dan adaptasi sederhana (*intermediate adaptation*). Setiap satunya mempunyai makna dan kaedah yang tersendiri seperti yang dinyatakan oleh Desmond dan Hawkes (2006:3):

A film is a close adaptation when most story elements in the literary text are kept in the film and few elements are dropped or added. A film is a loose adaptation when most story are dropped and the literary text is used as point of departure. A film is an

intermediate adaptation when it neither conforms exactly nor departs entirely from the literary text but stays in the middle of the sliding scale between close and loose.

Melalui petikan di atas, sesuatu filem dikatakan sebagai adaptasi tertutup jika sebahagian besar unsur naratif yang terdapat dalam teks sastera dikekalkan dan beberapa elemen sahaja yang dibuang serta tidak banyak unsur lain yang ditambah. Dalam erti kata lain, filem adaptasi yang dihasilkan mempunyai kesetiaan yang jitu terhadap teks sastera. Adaptasi longgar pula merujuk filem yang membuang sebahagian besar unsur cerita yang terdapat dalam teks dan pelbagai unsur naratif pula telah digantikan atau ditambah terhadap filem. Adaptasi seperti ini hanya menggunakan karya sastera sebagai titik permulaan untuk menghasilkan sesebuah filem. Filem yang berbentuk adaptasi sederhana pula ialah filem adaptasi yang berada di tengah-tengah skala antara adaptasi tertutup dengan adaptasi longgar. Hal ini demikian kerana sesetengah unsur naratif yang terdapat teks sastera masih disimpan, dibuang sedikit dan masih banyak unsur naratif lain yang ditambah. Maksudnya, adaptasi sederhana tidak mematuhi dengan tepat dan tidak bertitik tolak sepenuhnya daripada karya sastera.

Bagi mengenal pasti bentuk dan kaedah adaptasi yang telah digunakan oleh pengarah filem dan penulis skrip, Desmond dan Hawkes (2006:50-51) telah menyatakan bahawa perbandingan terhadap unsur naratif, iaitu plot, watak, latar, gaya penulisan dan tema harus dilakukan antara teks sastera dengan filem adaptasi. Kemudiannya, setiap perubahan yang dilakukan terhadap unsur naratif harus disertakan dengan sebab. Bahagian ini akan membawa kepada kajian terhadap teks sastera dan filem adaptasi yang digunakan. Walau bagaimanapun, tidak semua sebab akan ditemui, maka pengkaji dibenarkan meletakkan sebab berdasarkan penelitian terhadap teks dan karya adaptasinya serta pengetahuan yang ada tentang sastera dan filem. Berdasarkan analisis perbandingan yang dilakukan, pengkaji seterusnya harus menentukan bentuk dan kaedah adaptasi yang digunakan, iaitu antara adaptasi tertutup, adaptasi longgar dan adaptasi sederhana.

ANALISIS PERBANDINGAN UNSUR NARATIF

Analisis yang berikut melibatkan unsur naratif terpilih, iaitu plot, watak, latar, tema dan gaya penceritaan, dengan perbandingan antara *Hikayat Merong Mahawangsa* dengan filem *Hikayat Merong Mahawangsa*.

Plot

Dalam perbandingan plot, fokus hanya diberikan kepada kisah yang terdapat dalam Bab 1 dan Bab 2 teks *Hikayat Merong Mahawangsa*. Hal ini demikian kerana hanya kedua-dua bab ini yang telah digunakan dalam membina keseluruhan jalan cerita dalam filem *Hikayat Merong Mahawangsa*. Menurut Amir Hafizi, perancangan awal KRU Studios sebenarnya menerbitkan tiga buah filem atau trilogi berlandaskan teks *Hikayat Merong Mahawangsa* seperti pembikinan filem *The Lord of The Ring*. Filem pertama dikatakan akan berkisar mengenai Merong Mahawangsa, filem kedua pula menceritakan Raja Bersiung dan filem ketiga menjurus kepada kisah Raja Phra Ong Mahawangsa yang telah membawa kepada kedatangan Islam ke negeri Kedah. Walau bagaimanapun, niat murni itu dibatalkan apabila Yusry Abdul Halim tidak tahan dengan pelbagai dugaan dan cabaran yang dihadapinya semasa sesi penggambaran filem *Hikayat Merong Mahawangsa*. Maka, plot filem tersebut wujud seperti yang akan dianalisis dalam bahagian ini.

Secara umumnya, plot yang terdapat dalam teks *Hikayat Merong Mahawangsa* dibina mengikut kronologi. Pengarang telah memulakan cerita dengan kisah seekor burung geroda yang amat besar dan sakti yang tinggal di Pulau Langkapuri. Burung geroda tersebut berasal daripada anak cucu Maharaja Dewata. Burung ini telah mendapat perkhabaran tentang perkahwinan putera Rom dengan puteri China dan berjanji depan Nabi Allah Sulaiman mahu menghalang perkahwinan tersebut. Kemudian plot berpindah kepada kisah asal usul Raja Merong Mahawangsa dan perihal baginda dititahkan mewakili raja Rom membawa anakanda baginda ke benua China untuk dikahwinkan dengan puteri raja benua China. Cerita seterusnya bergerak dengan mengisahkan tentang pelayaran rombongan Raja Merong Mahawangsa ke benua China. Semasa tiba di laut Kuala Canggung, serangan pertama burung geroda terhadap kapal-kapal yang mengiringi Raja Merong Mahawangsa telah berlaku. Namun, serangan itu berjaya dipatahkan oleh Raja Merong Mahawangsa dengan kesaktian panahnya dan keberanian baginda. Serangan kedua juga dapat dipatahkan, manakala dalam serangan ketiga, sebilah anak panah Raja Merong Mahawangsa telah bertukar menjadi burung jentayu lalu bertarung dengan burung geroda tersebut tetapi akhirnya tewas.

Setelah yakin keadaan kembali reda, Raja Merong Mahawangsa dengan pengikutnya berlabuh di sebuah daratan untuk mengambil air, manakala rombongan anak raja Rom telah meneruskan pelayaran. Burung geroda yang tahu bahawa kapal yang dinaiki oleh anak raja Rom tersebut tidak dikawal oleh Raja Merong Mahawangsa, segera mengambil kesempatan untuk menyerang buat kali keempat. Serangan kali ini menyebabkan kapal yang dinaiki anak raja Rom hancur berkecai

lantas burung geroda menyangka anak raja tersebut terkorban. Namun, sangkaan burung geroda meleset. Putera Rom sebenarnya hanya hanyut dibawa oleh arus laut.

Sementara itu pula, Raja Merong Mahawangsa yang kembali daripada mengambil air mendapati kapal yang dinaiki oleh anak raja Rom telah musnah. Setelah puas mencari kelibat anak raja Rom di laut, baginda mengambil keputusan untuk berehat sementara di sebuah daratan. Di daratan ini, rombongan Raja Merong Mahawangsa telah disambut oleh kaum gergasi yang seterusnya mengundang Raja Merong Mahawangsa untuk menjadi raja mereka.

Burung geroda yang menyangka hasratnya untuk memisahkan jodoh puteri benua China dengan anak raja Rom itu berjaya, pergi menghadap Nabi Allah Sulaiman untuk menceritakan kejayaannya. Setelah mendengar cerita daripada burung geroda, Nabi Allah Sulaiman menitahkan raja jin bernama Harman Syah untuk membawa puteri benua China dan anak raja Rom berserta inang pengasuh ke istananya. Setelah burung geroda melihat anak raja Rom masih hidup dan telah bertemu dengan puteri China, maka burung geroda terus meminta ampun kepada Nabi Allah Sulaiman dan menunaikan janjinya untuk keluar dari bawah langit dan bumi. Seterusnya Harman Syah telah dititahkan untuk membawa kedua-dua anak raja tersebut ke benua China untuk dikahwinkan.

Dalam versi filem, plot daripada teks *Hikayat Merong Mahawangsa* telah diubah hampir sepenuhnya. Terdapat unsur imbas kembali yang telah digunakan dalam pembinaan plot. Kisah dalam filem adaptasi dimulakan dengan persetujuan raja Rom dan raja China untuk mengahwinkan Putera Marcus Carpreneius dari Rom dan Puteri Meng Li Hua dari China sebagai simbol penyatuan dunia. Angkatan laut kedua-dua negara kemudiannya telah bertolak ke utara Semenanjung Emas, khususnya Langkasuka, untuk upacara perkahwinan tersebut. Walau bagaimanapun, ribut telah melanda dan menyebabkan angkatan Rom terpaksa berhenti di Goa. Semasa di Goa telah berlaku satu pertarungan yang melibatkan Merong Mahawangsa, dan beliau berjaya dalam pertarungan tersebut. Beliau yang sebenarnya berketurunan Alexander the Great atau Iskandar Zulkarnain kemudiannya telah diminta oleh putera Rom dan General Lycius untuk mengiringi rombongan putera Rom ke sebuah daratan di utara Semenanjung Emas.

Seterusnya berlakulah serangan yang hebat daripada kumpulan lanun Geruda di kawasan pantai utara Semenanjung Emas. Puteri China telah diculik dalam pertempuran itu dan putera Rom hanyut ke laut setelah ditikam oleh Kamawas. Merong Mahawangsa cedera parah dan pingsan. Beliau kemudiannya telah diselamatkan oleh Kesum, penghulu suku-suku yang ada di utara Semenanjung Emas dan pawang yang merawatnya. Sewaktu menerima rawatan, Merong Mahawangsa

telah berkenalan dengan anak angkat Kesum, iaitu Embok yang juga membantu Kesum untuk merawat Merong Mahawangsa.

Ketika berada di rumah Kesum, Merong Mahawangsa telah mengetahui bahawa Kesum dan Taji ialah anak murid seorang guru yang mahir dalam membuat tangkal kebal. Di situ juga Merong Mahawangsa telah mengetahui ibunya telah dibunuh oleh Taji sewaktu serangan lanun Geruda terhadap penduduk kampung. Kesum kemudiannya telah memberitahu bahawa Embok pernah dirogol oleh Kamawas dan Merong Mahawangsa berjanji untuk menebus perbuatan tersebut. Merong Mahawangsa kemudiannya diangkat menjadi raja Langkasuka selepas menang dalam beberapa pertandingan beradu tenaga dengan anak-anak penghulu di beberapa kampung di situ. Sebagai raja, beliau telah merancang untuk mempertahankan negerinya daripada lanun Geruda. Embok kemudiannya telah melafazkan cintanya kepada Merong Mahawangsa dan akhirnya mereka berkahwin. Namun begitu, tanpa disangka rombongan China yang terselamat dalam serangan lanun Geruda datang ke Langkasuka bersama-sama putera Rom. Mereka meminta pertolongan daripada Merong Mahawangsa untuk membantu mereka menyelamatkan puteri China yang diculik lanun Geruda.

Penonton seterusnya dibawa kepada babak serangan balas terhadap lanun Geruda. Dalam pertempuran itu, Merong Mahawangsa telah berkorban nyawa dengan menarik tangkal kebal Taji dan menikam dirinya bersama Taji. Selepas itu, tentera Rom dan China yang datang memberikan bantuan telah menamatkan serangan terhadap lanun Geruda. Penonton seterusnya diberitahu melalui suara narator bahawa kematian Merong Mahawangsa itu tidak sia-sia kerana isterinya, Embok telah berbadan dua. Langkasuka terus berkembang maju sehingga zaman Sultan Mudzafar Syah. Berdasarkan perbandingan yang dilakukan ini, jelas bahawa wujud persamaan dan perbezaan antara plot teks *Hikayat Merong Mahawangsa* dengan plot filem adaptasinya.

Watak

Dalam teks *Hikayat Merong Mahawangsa*, watak Raja Merong Mahawangsa sebagai watak legenda telah mendapat perhatian dan diangkat sebagai watak utama oleh pengarang. Hal ini demikian kerana daripada watak tersebut maka wujudnya salasilah keturunan raja Kedah hingga kini. Perkara yang sama berlaku dalam filem *Hikayat Merong Mahawangsa*, iaitu watak Merong Mahawangsa yang dilakonkan oleh Stephen Rahman Hughes menjadi fokus penulis skrip dan pengarah filem dalam menggerakkan jalan cerita filem tersebut. Namun, perubahan besar telah dilakukan terhadap riwayat hidup Merong Mahawangsa dalam filem adaptasi ini.

Dalam teks sastera, Raja Merong Mahawangsa dikatakan sebagai keturunan raja dan sahabat raja Rom. Baginda mempunyai ilmu kesaktian dan sangat digeruni oleh raja-raja yang lain. Berdasarkan salasilah, ayahandanya berasal daripada indera-indera dan bondanya berketurunan dewa-dewa. Raja Merong Mahawangsa telah berkahwin dengan anak Raja Gergasi, iaitu seorang puteri yang kecil dan baik rupa parasnya (Siti Hawa, 1998:7). Puteri tersebut hasil perkahwinan Raja Gergasi dengan raksasa. Bonda Raja Merong Mahawangsa tidak menyukai isteri pilihannya, namun baginda amat mengasihi isterinya sehingga sanggup membawanya ke mana-mana sahaja baginda pergi. Selain itu, Raja Merong Mahawangsa digambarkan amat mahir dalam memanah dan mempunyai anak panah sakti yang dapat bertukar kepada pelbagai bentuk (Siti Hawa, 1998:9-12). Raja Merong Mahawangsa telah membuka negeri Langkasuka yang kemudiannya telah ditukar nama kepada Kedah Zamin Turan. Selepas itu, baginda pulang ke Rom dan menyerahkan kepimpinan negeri kepada puteranya.

Berbeza daripada teks sastera, dalam filem adaptasi watak Merong Mahawangsa lakonan Stephen Rahman Hughes seorang manusia biasa hasil perkahwinan ayahnya dari Rom dengan perempuan dari utara Semenanjung Emas bernama Lang. Setelah kampung mereka musnah angkara petualangan kumpulan lanun Geruda, Merong Mahawangsa berkelana di lautan dengan belayar menggunakan kapalnya bernama Jentayu. Merong Mahawangsa belayar dari satu pelabuhan ke satu pelabuhan sambil menjajikan cerita bahawa beliau berketurunan Alexander the Great atau Iskandar Zulkarnain dari Rom. Watak ini digambarkan hebat dalam beradu tenaga dan berlawan pedang. Selain itu, Merong Mahawangsa juga digambarkan sebagai seorang yang agak “nakal” kerana gemar mengganggu anak gadis bangsawan di setiap pelabuhan yang disinggahinya. Beliau telah diminta untuk membawa putera Rom ke Semenanjung Emas dan perkara ini telah mengubah nasib dirinya. Selepas serangan daripada lanun Geruda, Merong Mahawangsa telah membuka negeri Langkasuka dan berkahwin dengan Embok. Akhirnya, beliau telah berkorban nyawa dengan menikam dirinya bersama Taji semasa serangan terhadap lanun Geruda. Maka, dapat dicatatkan bahawa wujud perbezaan riwayat yang amat ketara tentang watak Raja Merong dalam versi filem.

Perubahan asal usul terhadap watak Merong Mahawangsa sebenarnya berlandaskan interpretasi yang dilakukan oleh pengarah filem. Yusry pernah menyatakan bahawa (Akmal, 2011:42):

Bagi saya, adalah lebih baik Merong Mahawangsa diterjemahkan mempunyai asal usul dari kaum tempatan ketika itu dan pada masa yang sama mempunyai kaitan dengan dunia luar, iaitu kerajaan Rom.

Asal usul yang sebegini, iaitu tiada kaitannya dengan indera-indera dan dewa-dewa, dianggap sebagai satu interpretasi yang logik dan boleh diterima akal oleh penonton. Kacukan daripada indera-indera dan dewa-dewa dianggap sebagai mitos yang terlalu melampau untuk dibawakan dalam konteks masyarakat atau penonton sekarang. Selain itu, pengarah filem turut merasakan lebih baik Merong Mahawangsa digambarkan sebagai penduduk asal Langkasuka supaya dapat menguatkan perkaitan watak Merong Mahawangsa dengan hikayat yang ditulis pada babak pertama. Malah, perubahan asal usul ini juga dapat memberikan penjelasan yang kukuh untuk Merong Mahawangsa menjadi raja di Langkasuka. Maka, asal usul Raja Merong Mahawangsa daripada Rom dalam teks sastera telah diubah kepada rakyat biasa yang dilahirkan di utara Semenanjung Emas tetapi pada masa yang sama mempunyai kaitan dengan Rom. Perubahan yang ketara ini berani dilakukan kerana telah mendapat keizinan daripada pihak Istana Diraja Kedah. Pihak istana juga meminta agar perihal hubung kait dengan keturunan Alexander the Great atau Iskandar Zulkarnain harus dikekalkan dan ditonjolkan. Oleh sebab itu, ayah Merong Mahawangsa telah dikatakan berasal dari Rom. Malah, penulis skrip juga telah memilih “Archimedes Death Ray” semasa diminta oleh pihak penerbit yang mahu sebuah alat perang yang mampu memusnahkan banyak musuh dalam satu masa. *Archimedes Death Ray* ialah alat perang yang dicipta oleh Archimedes, iaitu seorang ahli ilmuwan dari Yunani. Merong Mahawangsa telah mendapat lakaran senjata perang tersebut daripada ayahnya dan secara tidak langsung dapat mengaitkan pertalian antara Merong Mahawangsa dengan Alexander the Great atau Iskandar Zulkarnain (Akmal, 2011:48). Senjata itu juga telah dihasilkan dan digunakan semasa serangan balas terhadap lanun Geruda. Selain itu, pertalian dengan Iskandar Zulkarnain juga telah ditegaskan melalui penggunaan dialog dalam filem ini, iaitu:

Putera Rom: “*They say you have been claiming to be a descendent of Alexander?*”

Merong Mahawangsa: “*Not claiming, I am the descendent of the great Alexander himself.*”

Selain mendapat keizinan daripada pihak istana, penulis skrip dan pengarah filem juga telah melakukan perubahan terhadap asal usul Raja Merong Mahawangsa kerana mendapati bahawa terdapat pelbagai versi yang menceritakan asal usulnya (Akmal, 2011:49). Maka, untuk tidak berpihak, perubahan asal usul berlandaskan interpretasi yang tersendiri dirasakan sebagai jalan yang terbaik.

Perubahan lain dapat dilihat pada keadaan Merong Mahawangsa yang digambarkan suka belayar dan membuat kacau di setiap pelabuhan yang disinggahinya. Dalam filem adaptasi ini pada mulanya Merong Mahawangsa hidup secara bersendirian

dan bukanlah seorang “hero” atau wira. Namun, setelah bertemu dengan Kesum, sikapnya semakin berubah dan memahami tanggungjawab yang harus dipikul dalam hidupnya. Dia kemudiannya menemui suatu makna dalam hidupnya, iaitu menjadi raja penduduk atau rakyat yang memerlukannya sebagai pemimpin. Perkara ini menyebabkannya terus mahu berjuang meskipun terpaksa berdepan dengan kematian. Kitaran perubahan dalam perwatakannya ada diungkapkan oleh narator semasa Merong Mahawangsa ditabalkan sebagai raja:

Sultan Mudzafar Syah/Narator: “Dia dulunya tidak punya tanah air, tidak punya bangsa, kini harus berdepan dengan Geruda sebagai ketua.”

Situasi ini adalah berbeza daripada teks *Hikayat Merong Mahawangsa*. Raja Merong Mahawangsa sememangnya sudah dikenali sebagai raja yang hebat sebelum membuka negeri Langkasuka. Melalui kitaran perubahan perwatakan ini, penulis skrip mahu menunjukkan bahawa perkara mustahil mampu berlaku dalam setiap kehidupan insan biasa. Teknik sebegini sering kali digunakan dalam pembikinan jalan cerita filem yang bergenre epik (Slethaug, 2014:23). Misalnya, dapat diteliti melalui filem *Clash of the Titans* (2010), *Wrath of the Titans* (2012), dan sebagainya. Sesuatu watak atau tokoh itu akan digambarkan sebagai “kosong” pada mulanya tetapi akhirnya berjaya mencapai sesuatu yang hebat dalam hidupnya. Perkara seperti ini diandaikan lebih mendekati situasi penonton sekarang kerana kebanyakannya terdiri daripada insan biasa yang sentiasa mengharapkan kehidupan seindah mimpi. Maka, filem ini membawa penonton untuk berada dalam mimpi tersebut.

Perubahan kemahiran watak Merong Mahawangsa daripada memanah (panah sakti) kepada beradu tenaga dan berlawan pedang pula dilakukan oleh penulis skrip atas kehendak pihak produksi. Hal ini demikian kerana perkara berkaitan anak panah sakti ini dilihat membawa satu unsur mitos yang sangat besar dan akan menyebabkan watak tersebut kelihatan tidak logik. Selain itu, pengarah filem juga mahu ketokohan watak Merong Mahawangsa terpancar melalui kekuatan fizikal yang ada pada dirinya dan bukannya melibatkan kesaktian. Tambahan pula, kemahiran itu juga dapat melahirkan pelbagai adegan aksi pertempuran secara fizikal dalam filem adaptasi ini. Namun, penulis skrip masih menjelmakan perkara berkaitan anak panah sakti dengan menamakan kapal Merong Mahawangsa sebagai Jentayu, iaitu nama sebilah anak panah sakti yang dimilikinya.

Kematian Merong Mahawangsa pada bahagian akhir filem merupakan perubahan paling besar yang dilakukan terhadap riwayat tokoh ini. Perkara ini telah dilakukan oleh penulis skrip kerana merasakan pengarang teks *Hikayat Merong Mahawangsa* telah berlaku tidak adil dalam penceritaannya. Hal ini demikian kerana kisah Raja

Merong Mahawangsa hanya diceritakan dalam dua bab sahaja sedangkan nama teks sastera yang meriwayatkannya berjudul *Hikayat Merong Mahawangsa*. Bagi penulis skrip, keadaan menjadi semakin janggal apabila dikatakan Raja Merong Mahawangsa pulang ke Rom setelah bersusah payah membuka Langkasuka dan menukar namanya kepada Kedah Zamin Turan. Maka, selepas berbincang dengan pengarah filem, penulis skrip telah mengambil keputusan untuk mematikan watak Merong Mahawangsa agar watak tersebut dapat disemadikan di tempat asal usulnya dan di tempat hikayat mengenainya ditulis.

Watak lain yang dikekalkan dalam filem *Hikayat Merong Mahawangsa* ialah burung geroda tetapi dengan manifestasi yang berbeza daripada teks sastera. Watak burung geroda yang dimaksudkan dalam teks sastera ialah sejenis binatang mistik yang dipercayai wujud pada suatu masa dahulu. Mengikut teks *Hikayat Merong Mahawangsa*, burung geroda tinggal di Pulau Langkapuri dan sifat fizikalnya sangatlah besar. Burung ini berasal daripada anak cucu Maharaja Dewata dan pernah terlibat dalam perang pada zaman Seri Rama dan Anduman (Siti Hawa, 1998:4). Geroda ini dikatakan mempunyai pelbagai kesaktian dan semua makhluk takut kepadanya. Burung ini hidup pada zaman Nabi Allah Sulaiman, oleh sebab itu geroda ini mampu berbicara seperti manusia. Walau bagaimanapun, watak tersebut telah dimanifestasikan sebagai kumpulan lanun yang bernama Geruda. Mereka berasal dari utara Semenanjung Emas dan diketuai oleh Taji yang dibantu oleh muridnya Kamawas. Oleh sebab dahagakan kuasa dan kekayaan, kumpulan ini telah bertindak menyerang kesemua penduduk kampung dan melakukan pelbagai kejahatan. Perubahan ini dilakukan oleh penulis skrip kerana tidak mahu menjelmakan unsur agama Hindu yang begitu jelas. Melalui pembacaannya terhadap tulisan Siti Hawa Haji Salleh, penulis skrip telah mengetahui bahawa burung geroda dalam karya sumber ialah satu jelmaan tuhan Hindu bernama Vishnu. Maka, penulis skrip dan pengarah filem telah mengambil kata putus untuk mentransformasikan watak burung geroda kepada kumpulan lanun Geruda. Selain itu, kemampuan pihak produksi turut mempengaruhi keputusan ini. Penggunaan teknologi CGI yang masih berada pada tahap sederhana dirasakan tidak mampu untuk menjelmakan visual burung geroda yang begitu besar dan gah. KRU Studios pernah dikritik hebat apabila gagal menjelmakan watak Naga Tasik Chini dengan baik dalam filemnya yang awal, iaitu *Magika*. Maka, dengan mengambil kira pengalaman lepas, penulis skrip dan pengarah filem telah bertindak mentransformasikan watak burung tersebut. Walau bagaimanapun, perkara yang berkaitan dengan kejahatan, saiz dan kehebatan burung geroda dalam teks sastera masih dijelmakan melalui filem adaptasi ini. Contohnya, pakaian lanun Geruda hanya berwarna hitam sebagai simbol kejahatan pada diri mereka. Hal ini bertentangan dengan penduduk Langkasuka yang hanya mengenakan

pakaian berwarna putih dan perang, iaitu sebagai simbol kebaikan. Dari segi saiz dan kehebatan, angkatan lanun Geruda memang besar dan sukar ditewaskan oleh pihak lawan. Mereka hanya dikalahkan setelah tentera dari Rom dan China menyerang perkampungan mereka.

Unsur pengekaln watak juga dapat dilihat pada putera Rom. Dalam teks sastera, watak ini digambarkan mempunyai rupa paras yang amat baik (Siti Hawa, 1998:5). Peranannya agak kecil, tetapi kisah perkahwinannya dengan puteri China adalah antara nadi bagi jalan cerita. Dalam filem, watak putera Rom dikekalkan, tetapi telah diberikan peranan besar yang dilakonkan oleh Steven Stenhouse. Penulis skrip telah menghidupkan watak ini dengan memberikannya nama Putera Marcus Carprenius, yakni putera raja Rom yang bernama Hadrian. Bagi memperlihatkan kesan dramatis terhadap watak ini dan jalan cerita filem, penulis skrip telah mewujudkan konflik dalaman pada watak putera Rom. Beliau digambarkan tidak senang dengan keputusan Rom yang menjodohkannya dengan puteri China. Beliau gusar kerana tiadanya unsur cinta terhadap perkahwinan yang dirancang dan merasakan dirinya telah diperalatkan oleh Rom untuk mendapatkan ilmu perang daripada kerajaan China. Hal ini dapat diteliti melalui dialognya bersama Merong Mahawangsa ketika belayar menuju Semenanjung Emas:

Putera Rom: *“This girl I have to marry Merong, she I know nothing of her. How am I to know if I would love her? Or she would love me? And I’m so worried of no longer being free, like you are.”*

Merong Mahawangsa: *“Love? My Prince, your marriage is not about love. It is....”*

Putera Rom: *“Politics, yes I understand this. And hungry is Rome for the knowledge and wisdom of China for it’s war toys and machines.”*

Konflik dalaman ini sememangnya tidak ada pada teks sastera tetapi telah dibina oleh penulis skrip supaya watak yang dihadirkan kelihatan lebih kompleks dan tidak berbentuk linear sahaja. Malah, konflik ini juga telah dibina oleh penulis skrip sebagai sindiran kepada Barat yang suka mengambil atau “mencuri” ilmu daripada bangsa lain.

Puteri China bersama-sama mak inangnya juga antara watak yang telah dikekalkan dalam filem *Hikayat Merong Mahawangsa*. Jing Lusi telah dipilih oleh Yusry untuk melakonkan watak puteri China kerana merasakan keadaan fizikalnya mampu menggambarkan kecantikan puteri China seperti dalam teks sastera. Watak puteri China dalam filem juga telah diberikan nama, iaitu Puteri Meng Li Hua.

Beliau merupakan anak perempuan Maharaja China daripada dinasti Han. Konflik dalaman juga telah ditimbulkan oleh penulis skrip pada watak ini apabila beliau enggan berkahwin dengan putera Rom kerana merasakan dirinya tidak akan bebas akibat daripada perkahwinan tersebut. Konflik dalaman ini ada diluahkan melalui dialognya sebelum tiba di Semenanjung Emas:

Puteri China: *“I do not want to be a prisoner, like that metal bird in the emperor’s room. I want to be free, like a real nightingale. I know that as soon as I marry him, I will loose all hope of fulfilling my dreams.”*

Perkara ini telah distrukturkan oleh penulis skrip supaya watak puteri China melalui filem *Hikayat Merong Mahawangsa* tidak berbentuk “stereotaip” seperti dalam filem yang bergenre *fairy-tale*. Puteri dalam filem bergenre tersebut kerap kali dicitrakan sentiasa menanti cinta sejati daripada seorang putera raja atau *prince charming* tanpa mempunyai impian yang lebih besar dalam kehidupan mereka (Pramaggiore, 2011:76). Maka, Puteri Meng Li Hua dalam filem *Hikayat Merong Mahawangsa* ditampilkan dalam keadaan yang berbeza, iaitu beliau mempunyai impian besar selain cinta. Beliau ingin bebas mengelilingi dunia daripada terkurung di istana tanpa melakukan apa-apa. Beliau tidak gentar dengan pelbagai situasi yang menimpanya dan sanggup melarikan diri kerana tidak mahu dikahwinkan.

Watak Raja Phra Ong Mahawangsa atau Sultan Mudzafar Syah ialah watak terakhir yang dikekalkan dalam filem *Hikayat Merong Mahawangsa*. Walaupun watak ini tidak muncul pada Bab Satu dan Bab Dua dalam teks sastera, namun ia dihadirkan dalam filem atas sebab yang tertentu. Watak ini telah ditampilkan sebagai penulis hikayat dan menjadi narator terhadap jalan cerita filem. Hal ini demikian kerana penulis skrip mahu memperlihatkan transisi atau perubahan agama pada kerajaan negeri Langkasuka kepada agama Islam. Perkara ini disampaikan secara sepintas lalu melalui dialog berikut:

Sultan Mudzafar Syah/Narator: *“Maka beranak pinaklah lebih tujuh keturunan lamanya sampailah kepada beta raja sekarang, Sultan Mudzafar Syah. Dulunya bergelar Phra Ong Mahawangsa.”*

Hal ini diperkuat melalui visual ketika babak Sultan Mudzafar Syah sedang menulis hikayat, iaitu apabila sebuah al-Quran telah diletakkan di sebelahnya. Oleh itu, dapat dinyatakan watak ini telah dikekalkan oleh penulis skrip untuk memberikan gambaran tentang kedatangan Islam ke Langkasuka walaupun secara sepintas lalu sahaja.

Dalam filem *Hikayat Merong Mahawangsa* terdapat beberapa watak yang ditambah untuk mewajarkan jalan cerita yang dibina. Antaranya, termasuklah Taji,

iaitu ketua kumpulan lanun Geruda. Watak ini telah dilakonkan oleh Wan Hanafi Su, iaitu seorang pelakon teater bangsawan yang terkenal. Watak ini digambarkan mempunyai ilmu kebal melalui tangkal yang diambil semasa membunuh gurunya. Sejak itu, Taji telah membentuk kumpulan lanun Geruda dan sentiasa melakukan kejahatan. Dia juga mengamalkan sihir yang dapat mengawal alam semesta, cuaca dan meramal masalah yang bakal menimpa.

Penulis skrip telah memberikan watak ini nama Taji sebagai simbol kepada “talon”, iaitu sejenis cakar atau kuku tajam yang terdapat pada kaki binatang jenis burung. Cakar atau kuku tajam ini digunakan untuk menyerang musuh. Secara tidak langsung, watak Taji ini merujuk cakar atau kuku tajam yang ada pada burung geroda. Sihir yang diamalkan Taji menjadi simbol kepada suasana kehadiran dan serangan yang dilakukan oleh burung geroda dalam teks sastera. Dalam teks *Hikayat Merong Mahawangsa*, telah dinyatakan bahawa sebelum burung geroda melakukan serangan akan berlaku keadaan, iaitu:

Maka tengah belayar itu datanglah kalam-kabut guruh petir dengan hebat dahsyat; datangnya itu seperti pohon angin ribut yang besar rupanya....

(Siti Hawa, 1998:8)

Maka, sihir yang dilakukan oleh Taji cuba diselarikan oleh penulis skrip dengan keadaan tersebut dan perkara ini juga dapat diteliti melalui dialog watak Merong Mahawangsa ketika babak serangan lanun Geruda:

Merong Mahawangsa: *“Aye Admiral. The Gerudans are coming. It is said that before their attack, the skies would stab at their prey with bolts of lightning. They prey to the old gods.”*

Maka, dapat difahami bahawa penulis skrip cuba mengekalkan semangat perwatakan burung geroda daripada teks sastera dalam filem adaptasi melalui watak Taji.

Watak seterusnya yang ditambah oleh penulis skrip ialah Kamawas. Watak ini dilakonkan oleh Khir Rahman. Kamawas ialah murid dan pengikut Taji. Dia digambarkan sebagai seorang yang handal dan tangkas dalam menumpaskan mangsanya. Hatinya dikatakan menghampiri haiwan dan tiada belas kasihan. “Mawas” dalam namanya ialah simbol kepada jelmaan binatang, iaitu sejenis monyet.

Embok juga antara watak yang telah ditambah oleh penulis skrip dalam filem adaptasi yang dihasilkan ini. Watak Embok telah dilakonkan oleh seorang pelakon muda bernama Umami Nazeera. Watak ini digambarkan sebagai seorang gadis yang lemah lembut dari segi luaran dan percakapan tetapi hatinya begitu “keras”. Dia

tidak percaya pada orang luar yang masuk ke kawasan perkampungannya. Embok ialah anak yatim piatu, dan Kesum telah mengambilnya sebagai anak angkat. Embok menaruh luka dan dendam yang amat mendalam terhadap lanun Geruda kerana Kamawas pernah merogolnya dan membunuh kedua-dua ibu bapanya. Namun, hatinya terubat dengan kehadiran Merong Mahawangsa yang telah mengahwininya. Watak ini telah dihadirkan oleh penulis skrip berasaskan kajian yang dilakukan oleh pihak produksi di Istana Diraja Kedah. Pihak istana telah memberitahu pihak produksi bahawa Raja Merong Mahawangsa mempunyai isteri ketika berada di Langkasuka atau Kedah. Nama isteri tersebut ialah Nangmalini, iaitu menghampiri nama Wan Empuk Wan Malini. Walau bagaimanapun, penulis berasa tidak selesa untuk menggunakan nama Nangmalini kerana tiada kepastian yang tepat terhadap perkara tersebut. Maka, penulis skrip telah mendapat ilham daripada nama Wan Empuk Wan Malini untuk membentuk nama Embok. Selain itu, terdapat dua sebab watak ini telah dihadirkan oleh penulis skrip. Pertama, untuk memperlihatkan adanya perkahwinan yang melahirkan penyambung keturunan Merong Mahawangsa bagi memerintah Langkasuka. Sebab kedua pula untuk menghidupkan sisi cinta pada watak Merong Mahawangsa. Hal ini supaya filem adaptasi yang dihasilkan mempunyai pelbagai tawaran tema dan tidak berfokus kepada aksi semata-mata. Penawaran tema cinta ini diyakini dapat menarik perhatian penonton muda untuk menyaksikan filem *Hikayat Merong Mahawangsa*. Selain watak yang dibincangkan, terdapat pelbagai watak lain yang telah ditambah mengikut kehendak jalan cerita.

Tokoh atau watak yang ditiadakan dalam filem *Hikayat Merong Mahawangsa* ialah Nabi Allah Sulaiman. Dalam teks sastera, Nabi Allah Sulaiman dikatakan sebagai raja besar dalam dunia ketika itu (Siti Hawa, 1998:5). Namun, tokoh ini telah digugurkan oleh penulis skrip kerana dianggap sukar untuk diterjemahkan dalam bentuk filem kerana penggunaan visual dan suara adalah tidak dibenarkan mengikut ajaran agama Islam. Selain Nabi Allah Sulaiman terdapat beberapa watak lain yang telah dibuang. Antaranya ialah burung rajawali, kaum gergasi dan Raja Jin Harman Syah. Watak ini telah dibuang untuk menguatkan unsur logik yang dipaparkan dalam jalan cerita. Selain itu, filem juga tidak mampu untuk memasukkan watak yang banyak seperti dalam karya sastera (Wagner, 1975:34).

Latar

Teks *Hikayat Merong Mahawangsa* hingga kini masih belum diketahui tarikh penulisannya secara tepat. Pengisahan dalam teks tersebut telah menjangkau masa lebih kurang seribu tahun, iaitu daripada masa pembukaan Langkasuka hingga kedatangan Islam. Sekiranya dilihat dalam konteks teks *Hikayat Merong*

Mahawangsa, pembukaan Langkasuka telah berlandaskan latar masa yang bermula beribu-ribu tahun awalnya berbanding teks lain (Siti Hawa, 2009:5). Hal ini demikian kerana wujudnya tokoh Nabi Allah Sulaiman dalam teks tersebut. Bagi penulis skrip, perkara ini dianggap tidak logik jika dimasukkan dalam filem kerana kerajaan China dan Rom masih belum wujud ketika zaman Nabi Allah Sulaiman. Maka, penulis skrip telah memilih satu latar masa yang sesuai untuk digarapkan dalam filem *Hikayat Merong Mahawangsa*, iaitu pada kurun kedua dalam tahun 120 Masihi berlandaskan alasan tertentu.

Terdapat dua sebab yang membuatkan penulis skrip telah memilih latar masa tersebut. Sebab pertama, telah dinyatakan dalam teks *Hikayat Merong Mahawangsa* tentang pembukaan Langkasuka oleh Raja Merong Mahawangsa. Bertitik tolak daripada itu, penulis skrip telah menghubungkaitkannya dengan catatan seorang pelayar dari China pada abad keenam. Catatan semasa dinasti Liang itu telah menamakan Langkasuka sebagai Lang-Ya-Xiu dan menyatakan bahawa Langkasuka telah ditubuhkan pada kurun pertama (Akmal, 2011:47). Sebab kedua ialah empayar Rom dan China pada kurun kedua dikatakan sedang berada dalam keadaan yang penuh kemakmuran. Pada kurun kedua kerajaan Rom telah diperintah oleh Hadrian, iaitu salah seorang daripada lima maharaja Rom yang baik. Rom pada ketika itu telah mengembangkan sayapnya dengan menakluk pelbagai wilayah. Empayar China pada kurun kedua diperintah oleh Han An-Ti yang telah membawa China ke arah perkembangan yang pesat dari segi teknologi, ekonomi, dan ilmu pengetahuan. Kerajaan dinasti Han pada ketika itu juga telah mencipta *armillary sphere*, iaitu satu sistem navigasi yang canggih dan alat seismometer yang mampu menyukat gegaran gempa bumi (Akmal, 2011:47). Oleh itu, penulis skrip berasa agak logik untuk kedua-dua empayar ini bekerjasama pada masa tersebut dan kerjasama ini diterjemahkan melalui perkahwinan yang dirancang. Oleh yang demikian, jelas bahawa penulis skrip telah menggabungkan catatan dari China mengenai pembukaan Langkasuka dengan keadaan kemajuan kerajaan Rom dan China pada kurun kedua untuk membentuk satu latar masa dalam filem *Hikayat Merong Mahawangsa* dengan logik yang tersendiri.

Dari sudut latar tempat, penulis skrip telah mengekalkan beberapa tempat yang dinyatakan dalam teks *Hikayat Merong Mahawangsa*. Antaranya termasuklah latar tempat di Rom dan China. Namun, latar ini hanya dihadirkan secara sepintas lalu dalam filem, iaitu semasa babak Sultan Mudzafar Syah atau narator sedang menceritakan perkahwinan yang dirancang antara putera Rom dengan puteri China. Babak tersebut telah dihasilkan dengan menggunakan teknologi *Computer Generated Image* (CGI) kerana lokasi penggambarannya di sekitar Petaling Jaya,

Selangor. Maka, aplikasi teknologi CGI telah melahirkan latar tempat bagi kerajaan China dan Rom semasa kurun kedua.

Walau bagaimanapun, latar tempat bagi majlis perkahwinan antara putera Rom dengan puteri China telah diubah oleh penulis skrip. Dalam teks sastera, lokasi bagi perkahwinan tersebut adalah di Istana Benua China. Namun, dalam filem lokasi perkahwinan telah diubah ke kawasan di utara Semenanjung Emas atau *The Golden Khersonese*. Dalam filem, Semenanjung Emas dikatakan telah dipilih oleh kerajaan China kerana berdasarkan kepada “Feng Shui” mereka dan kawasan itu juga telah menjadi laluan perdagangan utama bagi kerajaan Rom dan China. Maka, kawasan tersebut dipilih sebagai tanda hubungan diplomatik antara kedua-dua negara. Dalam konteks penulisan skrip pula, perubahan lokasi kepada Semenanjung Emas dilakukan oleh penulis skrip adalah untuk menguatkan peristiwa atau babak pembukaan negeri Langkasuka. Selain itu, pihak produksi juga mahu menonjolkan kawasan Semenanjung Emas atau Tanah Melayu kepada orang luar berbanding latar tempat yang lain. Malah, kekangan peruntukan juga telah menghadkan pihak produksi untuk membanyakkan peristiwa yang berlaku di Rom dan China.

Gaya Penulisan

Naskhah Melayu tradisional merupakan perbendaharaan kesusasteraan Melayu bertulis dalam bentuk tulisan Jawi yang indah. Penulisan naskhah ini berlaku selepas abad ke-13 ataupun lebih tepat selepas Islam membawa tulisan ke daerah Nusantara (Siti Hawa, 1992:1). Maka, bahasa yang digunakan dalam penulisan naskhah Melayu tradisional ini ialah bahasa Melayu klasik yang tinggi mutunya. Oleh sebab naskhah tersebut ditulis di daerah yang berasingan dan oleh pengarang yang berlainan, maka terdapat berbagai-bagai unsur yang terserap dalam penulisan naskhah tersebut terutama pengaruh dialek daerah tempat karya itu dihasilkan. Pengaruh ini terpancar dalam penulisan *Hikayat Merong Mahawangsa* yang menggunakan bahasa Melayu klasik dengan sedikit dialek Kedah. Penggunaan dialek Kedah ini telah memberikan teks ini nilai jati diri yang tersendiri dan menjadi garis pemisah daripada hikayat lain.

Melalui penggunaan bahasa Melayu klasik dan dialek Kedah ini, pengarang *Hikayat Merong Mahawangsa* telah berjaya menyampaikan asal usul keturunan raja, pembukaan negeri, jurai keturunan, dan proses pengislaman dalam teksnya. Seperti teks lain, unsur mitos yang mempunyai fungsi dan makna tersendiri juga telah digunakan secara meluas dalam menerangkan perkara tersebut. Hal ini merupakan satu konvensi dalam penulisan sesebuah hikayat. Namun, fakta sejarah yang ada masih boleh ditarik keluar kerana penulisan teks tradisional tidak sama dengan kisah penglipur lara yang hanya menumpu pada kisah dongeng semata-mata. Selain itu,

terdapat juga sindiran atau kritikan yang dimasukkan dalam bentuk perlambangan atau simbol. Demikianlah gaya penulisan yang ada pada pengarang *Hikayat Merong Mahawangsa*.

Gaya penulisan yang terpancar dalam filem *Hikayat Merong Mahawangsa* jelas berbeza daripada gaya teks sastera. Perkara paling jelas adalah apabila skrip filem ini telah dibuat dalam dwibahasa, iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Penggunaan dwibahasa ini adalah berasaskan perkiraan pemasaran filem pada peringkat antarabangsa. Oleh itu, bahasa Melayu digunakan untuk menggambarkan orang tempatan (Langkasuka) dan bahasa Inggeris untuk merujuk orang asing (Goa, China dan Rom). Selain itu, bahasa Mandarin dan Kantonis juga digunakan dalam filem ini, tetapi hanya melibatkan satu babak sahaja.

Untuk dialog berbahasa Melayu penulis skrip telah menggunakan bahasa Melayu klasik seperti yang terkandung dalam teks sastera. Namun, bahasa Melayu klasik tersebut telah dipermudah agar tidak terlalu “klasik” untuk melicinkan pemahaman dan mengelak kebosanan penonton moden. Untuk dialog dalam bahasa Inggeris pula, penulis skrip menulisnya berpandukan komik yang ditulis oleh pengarang fiksi terkenal, iaitu Neil Gaiman. Hal ini menyebabkan wujudnya unsur-unsur komedi melalui dialog yang disampaikan dalam bahasa tersebut.

Berkaitan dengan unsur mitos yang terdapat dalam teks sastera, penulis skrip dan pengarah filem telah mengambil keputusan untuk menggugurkan sebanyak yang mungkin supaya jalan cerita yang dibina kelihatan lebih logik dan dapat diterima akal. Dari sudut fakta sejarah pula, penulis skrip tidak melihat filem *Hikayat Merong Mahawangsa* ini sebagai sebuah filem sejarah. Bagi beliau, filem ini hanya sekadar menceritakan watak bernama Raja Merong Mahawangsa dan pengembaraannya (Akmal, 2011:47).

Tema

Pembawaan tema dalam teks *Hikayat Merong Mahawangsa* adalah jelas untuk mengangkat karisma jurai keturunan raja-raja Kedah dengan menyatakan ketokohan Raja Merong Mahawangsa yang bukan sahaja berwibawa tetapi penuh dengan kesaktian. Pengarang juga telah mencitrakan tokoh Raja Merong Mahawanga penuh dengan disiplin dan strategi. Contohnya, baginda mempunyai perancangan ketika memulakan pelayaran, menghadapi serangan burung geroda dan menempatkan anakandanya sebelum pulang ke Rom. Malah, baginda juga telah berpesan kepada puteranya supaya membuka lagi negeri baharu di sekitar negeri Kedah.

Sebaliknya tema yang digarap dalam filem adaptasi lebih menjurus kepada semangat nasionalisme, patriotisme dan kekuasaan politik. Perkara ini digambarkan

melalui watak Merong Mahawangsa yang pada mulanya hanya insan biasa tetapi telah berubah kepada seorang raja dan pejuang. Merong Mahawangsa sanggup bertempur dengan lanun Geruda untuk menebus kembali kematian ibunya dan kedurjanaan Kamawas terhadap Embok. Merong Mahawangsa juga bertarung dengan lanun Geruda bagi menuntut hak rakyatnya yang selama ini telah ditindas oleh lanun Geruda.

Dari segi jodoh pertemuan, dalam teks sastera pengarang telah menggunakan metafora sepenuhnya bagi menggambarkan betapa banyak cabaran yang terpaksa dihadapi oleh putera Rom dan puteri China untuk disatukan. Pengarang membawa tema keterikatan manusia kepada takdir Allah melalui peristiwa tersebut. Tiada makhluk yang dapat melawan ketentuan Allah walaupun sehebat burung geroda. Dalam filem adaptasi tema cinta telah dibawa oleh penulis skrip melalui peristiwa perkahwinan putera Rom dengan puteri China. Tema cinta ini telah dikembangkan oleh penulis skrip dengan memasukkan pelbagai unsur konflik dan akhirnya dapat dileraikan. Malah, telah digambarkan putera Rom sanggup berjuang melawan lanun Geruda untuk menyelamatkan puteri China. Selain itu, tema cinta juga digarap melalui perhubungan Merong Mahawangsa dengan Embok. Merong Mahawangsa berjaya menawan hati Embok yang telah sekian lama berparut akibat perbuatan Kamawas yang merogolnya.

Dapatan Kajian

Berlandaskan semua perbandingan yang dilakukan, jelas bahawa bentuk adaptasi yang digunakan dalam filem *Hikayat Merong Mahawangsa* ialah adaptasi longgar atau *loose adaptation*. Hal ini demikian kerana penulis skrip dan pengarah filem telah melakukan pelbagai rombakan terhadap unsur naratif yang ada. Selain itu, penulis skrip dan pengarah filem juga banyak melahirkan interpretasi sendiri untuk mengukuhkan unsur logik dalam jalan cerita filem. Malah, pengolahan juga dilakukan berdasarkan kemampuan pihak produksi, pemasaran, konteks masyarakat dan sebagainya. Bersesuaian dengan itu, penulis skrip dan pengarah filem telah membuang sebahagian besar elemen yang terkandung dalam teks asal. Pendeknya, penulis skrip dan pengarah filem hanya menggunakan teks *Hikayat Merong Mahawangsa* sebagai bahan mentah dan kemudiannya telah membentuk cerita yang tersendiri. Pendeknya proses atau kaedah adaptasi filem *Hikayat Merong Mahawangsa* berdasarkan interpretasi Amir dan Yusry.

Proses atau kaedah adaptasi yang berasaskan interpretasi sememangnya sering berlaku kerana sastera dan filem ialah seni yang berbeza. Malah, interpretasi

merupakan perkara yang amat dituntut dalam melakukan adaptasi teks kepada filem. Namun, dalam melaksanakan kaedah tersebut telah berlaku beberapa kelompangan yang membolehkan kewibawaan penulis skrip dan pengarah filem dipersoalkan dalam melakukan adaptasi teks *Hikayat Merong Mahawangsa*. Hal ini terbukti apabila penulis skrip dan pengarah filem gagal untuk mengekalkan semangat atau *mood* yang ada pada teks sastera dalam filem mereka. Perkara ini dapat dilihat apabila kehebatan jurai keturunan raja Kedah dan sejarah pembukaan Kedah diceritakan dalam keadaan yang agak kabur atau kurang jelas. Selain itu, pihak penerbitan juga kelihatan masih belum benar-benar berbangga terhadap kekuatan yang ada pada teks sastera apabila terdapat pelbagai perkara yang telah dirombak dan ditambah dalam mewujudkan unsur logik bagi filem adaptasi. Malah, jati diri teks sastera juga telah dikorbankan dalam memastikan filem adaptasi ini dapat memasuki pasaran luar negara. Filem adaptasi ini juga kelihatan lebih menonjol sebagai filem epik yang hebat dengan memenuhi cita rasa penonton dengan pembawaan tema dan persoalan cinta, aksi dan komedi berbanding untuk mengangkat karya sastera tradisional ke peringkat yang lebih baik. Maka, dapat ditegaskan bahawa pihak penerbitan filem adaptasi ini tewas kepada tarikan komersialisme yang kuat dalam industri perfileman.

Oleh yang demikian, jelas bahawa versi filem *Hikayat Merong Mahawangsa* tidak dapat menggambarkan secara tepat tentang kesultanan Kedah kerana filem ini hanya mengambil watak Raja Merong Mahawangsa dan latar cerita yang dikatakan berlaku di sebuah daratan di utara Semenanjung Emas. Tiada cerita tentang Raja Bersiung dan jurai keturunan raja Kedah selepas Merong Mahawangsa kecuali Sultan Mudzafar Syah atau Raja Phra Ong Mahawangsa yang menjadi pencerita atau narator dalam filem ini. Maka, bagi mereka yang ingin menghayati cerita sebenar *Hikayat Merong Mahawangsa*, perlu mencari dan membaca teks sastera tersebut agar dapat mengetahui ketokohan Raja Merong Mahawangsa yang sebenarnya dan dapat memperkaya pengetahuan tentang asal usul kerajaan Melayu Kedah.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, makalah ini secara komprehensif dan kritisnya telah berjaya membandingkan teks *Hikayat Merong Mahawangsa* dengan filem adaptasinya yang menggunakan tajuk yang sama, iaitu *Hikayat Merong Mahawangsa*. Analisis perbandingan ini telah dilakukan dengan menggunakan teori adaptasi oleh Desmond dan Hawkes yang seterusnya berjaya memperlihatkan bentuk dan kaedah digunakan oleh penulis skrip dan pengarah filem *Hikayat Merong Mahawangsa*. Oleh itu, kajian ini telah mendapati bahawa penulis skrip dan pengarah filem telah menggunakan bentuk adaptasi longgar, iaitu dengan kaedahnya mengubah atau mengolah semula

sebahagian besar unsur naratif yang terdapat dalam teks asal. Malah, terdapat beberapa perkara yang dibuang dan ditambah bagi menyesuaikan jalan cerita filem yang baru dibina berdasarkan interpretasi penulis skrip dan pengarah filem serta atas sebab tertentu yang lain. Unsur logik turut mendominasi filem ini berbanding teks asal yang kaya dengan pelbagai unsur mitos dan legenda. Keadaan ini menyebabkan filem adaptasi yang dihasilkan agak menyimpang daripada isi kandungan dan tujuan penulisan teks asalnya.

Namun begitu, usaha berani KRU Studios untuk mengangkat teks *Hikayat Merong Mahawangsa* ke layar perak tetap dipuji kerana bukan mudah untuk menghidupkan cerita yang diambil daripada teks sastera tradisional. Pelbagai proses harus ditempuhi oleh mereka dalam memastikan filem yang dihasilkan dapat dinikmati oleh penonton. Malah, filem adaptasi ini juga telah menyerlahkan kebolehan industri filem Melayu yang semakin meningkat maju. Filem *Hikayat Merong Mahawangsa* seharusnya dijadikan teladan dan sempadan oleh penerbit filem lain untuk mengadaptasi teks tradisional yang semakin kurang dilakukan pada masa kini. Hal ini demikian kerana melalui adaptasi pemeliharaan dan pelestarian warisan budaya dapat disemarakkan dan karya sastera tradisional dapat diangkat kepada media arus perdana. Perkara ini amat giat dilakukan oleh penerbit filem Hollywood. Mereka amat gemar mengadaptasi karya sastera klasik walaupun sesebuah karya itu sudah mempunyai pelbagai versi filem. Keadaan ini membuatkan masyarakat dunia sentiasa mengenali dan mengingati karya sastera mereka. Sehubungan dengan itu, perkara yang sama harus dilakukan oleh penerbit filem tempatan supaya karya sastera tradisional dari Alam Melayu dapat dikenali secara meluas dan diingati buat selamanya.

RUJUKAN

- Akmal Abdullah, 2011. *Menerokai Keagungan Hikayat Merong Mahawangsa*. Selangor: Perbadanan Kemajuan Filem Malaysia (FINAS).
- Amir Hafizi (Penulis Skrip) dan Yusry Abdul Halim (Pengarah Filem), 2011. *Filem "Hikayat Merong Mahawangsa"*. Kuala Lumpur: KRU Studios.
- Desmond, John M. dan Hawkes, Peter, 2006. *Adaptation: Studying Film and Literature*. New York: McGraw Hill.
- E. Slethaug, Gordon, 2014. *Adaptation Theory and Criticism: Postmodern Literature and Cinema in the USA*. New York: Bloomsbury.
- Harun Mat Piah, 2000. *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hikayat Merong Mahawangsa*, 1998. Dikaji dan diperkenalkan oleh Siti Hawa Haji Salleh. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Penerbit Universiti Malaya.

- Muhamad Fairoz Azizan, 2013. "Pemasaran Vikingdoms" dlm. *Berita Harian*, hlm. 4-6 September.
- Pramaggiore, Maria, 2011. *Film: A Critical Introduction*. London: Laurence King Publishing.
- Siti Hawa Haji Salleh, 1997. *Kesusasteraan Melayu Abad Ke-19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Hawa Haji Salleh, 1992. *Sebutir Pasir: Kumpulan Esei*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Hawa Haji Salleh, 2009. "Hikayat Merong Mahawangsa dan *al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*: Paparan dan Kekuasaan Melayu Zaman Silam". Kertas kerja Seminar Kebangsaan Kekuasaan dalam Sastera Melayu Nusantara, USM, (hlm. 1-27) Julai, 2009.
- Sohaimi Abdul Aziz dan Rohaya Md Ali, "Adaptations of Hikayat Hang Tuah in Children's Literature dlm. *Malay Literature* 25:2, hlm. 261-85, 2012.
- Sohaimi Abdul Aziz, "Laskar Pelangi: Satu Penelitian Adaptasi Novel ke Filem" dlm. *Kemanusiaan* 18:1, hlm. 35-52, 2011
- Temu bual antara pengkaji dengan Saudara Amir Hafizi (Penulis Skrip Filem "Hikayat Merong Mahawangsa"), di Restoran Mahbub, Bangsar, Kuala Lumpur pada jam 11.00 malam, 26 Ogos 2013.
- Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Hashim Awang, Madiawati Mamat @ Mustaffa dan Nur Hamizah Hashim, "From Text to Animation: Adaptation of Bawang Putih Bawang Merah" dlm. *Malay Literature* 7: 2, 311-32, 2014.
- Wagner, Geoffrey. 1975. *The Novel and the Cinema*. New Jersey: Fairleigh Dickson University Press.